

# Unit berkuda PPj tingkat imej Putrajaya

**P**UTRAJAYA: Berputik daripada penubuhannya pada 6 Jun 2007, Perbadanan Putrajaya (PPj) kini boleh berbangga mempunyai unit berkudanya sendiri selepas enam tahun dengan 16 anggota penguat kuasa dan 11 kuda.

Presiden PPj, Tan Sri Samsudin Osman, berkata dengan terbentuknya unit itu, ia memberi peluang kepada PPj untuk mengambil bahagian dalam pelbagai acara perbarisan dan kegiatan pasukan berkuda bersama pihak berkuasa lain.

"Secara umumnya, Unit Berkuda PPj ini bertanggungjawab melaksanakan tugas penguatkuasaan di taman awam, kawasan pesisiran tasik dan pesiar pejalan kaki selain mengawal lalu lintas dan keselamatan awam pada acara sambutan yang diadakan di Putrajaya.

"Di samping itu, kehadiran pasukan berkuda, lengkap berpakaian istiadat ini di lokasi tumpuan awam secara tidak langsung men-

jadi tarikan kepada pelawat, sekali gus menaikkan imej bandar ini," katanya pada sidang media Majlis Perbarisan Kehormat dan Taklimat Unit Berkuda PPj di Kompleks Unit Berkuda PPj, di sini, kelmarin.

Terdahulu, beliau turut menyempurnakan pemeriksaan Perbarisan Kehormat dan Taklimat Unit Berkuda PPj. Seramai 16 anggota penguat kuasa serta 11 kuda membuat persembahan pada majlis itu.

Samsudin berkata, usaha membentuk unit itu bermula pada 6 Jun 2007 tetapi pada masa itu, PPj masih belum mempunyai kuda lagi dan pemilihan anggota adalah dari kalangan anggota penguat kuasa sedia ada serta pengambilan anggota baru.

Katanya, bermula 2008, seramai 11 anggota penguat kuasa yang dipilih menyertai unit itu dihantar menjalani latihan termasuk kursus asas dan pengurusan kandang di bawah kendalian Unit Berkuda Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).



*Kehadiran pasukan berkuda, lengkap berpakaian istiadat ini di lokasi tumpuan awam secara tidak langsung menjadi tarikan kepada pelawat*



**Samsudin Osman**

Presiden PPj

Latihan bersepadu turut diadakan bersama anggota Unit Berkuda Pasukan Simpanan Persekutuan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memantapkan lagi prestasi anggota unit terbabit.